

**Teruskan Menyumbang Untuk Gaza - Dr Mahathir
Bernama
20 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat Malaysia agar terus menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk bagi membantu penduduk Gaza, Palestin yang semakin teruk ditindas Israel.

Dr Mahathir yang juga merupakan Presiden Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF) berkata apa jua bantuan termasuk makanan, pakaian, bahan-bahan pembinaan mahupun wang boleh membantu rakyat Palestin itu untuk terus hidup dan mendapat tempat berlindung yang lebih baik.

"Malaysia ada badan-badan tertentu yang terlibat beri bantuan kepada Gaza. Hari ini kita lancar satu tabung. Hasilnya akan diagihkan kepada beberapa NGO yang mempunyai rangkaian pengedaran di Gaza, yang kita (PGPF) tak ada. Jadi kita sanggup beri kepada sesiapa yang sehaluan dengan kita sama ada dalam negara ataupun di Eropah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Kecemasan Gaza di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pada Selasa.

Turut hadir isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Pengerusi PGPF, Tan Sri Norian Mai.

Serangan Israel ke atas Palestin sejak 15 Nov lepas mengakibatkan lebih 100 penduduk Gaza terbunuh termasuk kanak-kanak dan warga tua, serta mencederakan ratusan yang lain.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710138>